



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 8 TAHUN 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

KONTRAK BAGI MEMBUAT, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERABOT JENIS *POLYPROPYLENE* KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

LATAR BELAKANG

1. Tempoh kontrak bagi membuat, membekal dan menghantar perabot jenis *Polypropylene* kepada semua agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah berakhir pada 14 Ogos 2008. Selepas tempoh tersebut Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya item perabot jenis *Polypropylene* dikeluarkan dari Kontrak Pusat dan diwujudkan Sistem Panel untuk tempoh **dua (2) tahun mulai 15 Ogos 2008 hingga 14 Ogos 2010**.

TUJUAN

2. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan untuk memaklumkan semua agensi mengenai pelaksanaan Sistem Panel untuk pembekalan dan penghantaran perabot *Polypropylene* kepada semua agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia.

KAEDAH PEROLEHAN

3. Agensi hendaklah menguruskan perolehan perabot jenis *Polypropylene* secara **sebut harga** di kalangan syarikat Panel yang dilantik seperti di Perenggan 5 di bawah. Perolehan bernilai sehingga RM200 ribu hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga dan perolehan bernilai melebihi RM200 ribu hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

4. Agensi di luar Lembah Kelang dibenar melaksanakan perolehan perabot *Polypropylene* dengan **mana-mana syarikat Bumiputera atau bukan Bumiputera di kawasan/daerah yang berkenaan secara pembelian terus sehingga RM500 setahun. Pembelian terus ini hanya dibenarkan sekali sahaja dalam masa setahun dan perolehan melebihi RM500 hendaklah diuruskan secara sebut harga di kalangan Panel Pembekal yang disenaraikan.**

SYARIKAT PANEL PEMBEKAL

5. Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk melantik syarikat Panel Pembekal seperti berikut: -

Bil.	Syarikat	Alamat
1.	B. Tis Manufacturer Sdn. Bhd.	Lot 1404, Batu 8 ½ Jalan Pahang Lama Gombak Utara 53100 SELANGOR No. Tel : 03 – 6189 3246 / 6086 9437 No. Faks : 03 – 6185 3246 E-Mel : b.tis@tm.net
2.	Cratex (M) Sdn. Bhd.	No. 141A, Jalan SS 15/5A 47500 SUBANG JAYA Selangor Darul Ehsan No. Tel : 03 – 5633 3388 /3294 /5633 No. Faks : 03 – 5634 5149 E-Mel : cratex@tm.net.my

SPEKIFIKASI PERABOT

7. Spesifikasi perabot adalah terdiri daripada pelbagai jenis kerusi dan meja berasaskan *Polypropylene*. Bagaimanapun agensi Kerajaan hendaklah memastikan setiap produk keluaran syarikat Panel Pembekal tersebut mempunyai Sijil Ujian bagi pengesahan mutu produk daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) atau SIRIM.

HAL – HAL LAIN

8. Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia mengenai prestasi mana-mana syarikat Panel Pembekal yang kurang memuaskan.

9. Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai Pekeliling kontrak ini, agensi Kerajaan boleh menghubungi Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia di talian 03 – 8882 3239 / 4361 / 3241.

KUAT KUASA

10. **PKP** ini berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2008 hingga 14 Oktober 2010. Dengan berkuat kuasanya **PKP** ini, Pekeliling berikut adalah terbatal: -

- (i) Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2008; dan
- (ii) Tambahan Pertama Kepada Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2006.

Sekian, terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.



(DATO' MOHAMED BIN STAPA)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh: 03 Disember 2008

s.k

Ketua Setiausaha Negara
Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara
Semua pegawai Kewangan Negeri